



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PEMANGGILAN SEMULA 600 UNIT KENDERAAN MODEL OMODA 5 BUATAN CHERY”

Putrajaya, 3 Mei 2024 – Susulan daripada insiden yang tular di media sosial pada 28 April 2024 berkenaan kegagalan gandar kenderaan model OMODA 5 buatan Chery, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah memanggil pihak Syarikat Chery Corporate Malaysia Sdn. Bhd. bagi menyiasat dan mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai isu tersebut.

Sehubungan itu, demi memastikan keselamatan pemilik kenderaan dan pengguna jalan raya yang lain, JPJ Malaysia telah menetapkan supaya 600 unit kenderaan dalam model yang telah dikenal pasti terlibat dengan isu tersebut, dilaksanakan proses pemanggilan semula berkuat kuasa 03 Mei 2024 (Jumaat).

Pemilik kenderaan yang terlibat akan dihubungi oleh pihak syarikat bagi menempah slot pemeriksaan masing-masing atau pemilik kenderaan boleh *walk-in* ke mana-mana pusat servis yang berhampiran di seluruh Negara. Mana-mana komponen yang terlibat dengan isu tersebut akan digantikan dengan semua kos yang ditanggung oleh pihak Syarikat Chery Corporate Malaysia Sdn. Bhd.

JPJ akan memantau pelaksanaan proses pemanggilan semula ini dan komited untuk memastikan kesemua unit yang terlibat dibuat pemeriksaan dan disahkan selamat serta proses penggantian komponen gandar dilaksanakan bagi kenderaan yang terkesan.

Semua pemilik kenderaan model OMODA 5 buatan Chery adalah dimohon untuk membuat perancangan bagi membolehkan proses pemanggilan semula/

pemeriksaan kenderaan dapat dijalankan secepat mungkin. Sebarang maklumat lanjut berkenaan proses pemanggilan semula ini, pemilik kenderaan boleh menghubungi *Chery Malaysia Customer Careline* di talian 03-2771 7070 atau layari laman sesawang www.chery.my atau menghubungi pusat jualan/perkhidmatan Chery Auto Malaysia yang berdekatan.

Jabatan ini sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara seterusnya berada pada tahap yang terbaik. Sebarang aduan rasmi boleh disalurkan kepada pihak JPJ menerusi Portal Aduan Rasmi JPJ - <https://pj.spab.gov.my/> .

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
3 MEI 2024**

[TAMAT]